

# **JANTUH BEBASA MASYARAKAT MELAYU DI PEDALAMAN KAPUAS HULU, KALIMANTAN BARAT**

**Yusriadi YUSRIADI<sup>1\*</sup>**

**Shin CHONG<sup>2</sup>**

**Dilah TUAH<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Institut Agama Islam Negeri Pontianak, Indonesia

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

<sup>3</sup>Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

<sup>1</sup>yusriadi.ebong@gmail.com

<sup>2</sup>chongshin@ukm.edu.my

<sup>3</sup>tdilah@unimas.my

*Manuscript received 8 December 2022*

*Manuscript accepted 7 December 2023*

*\*Corresponding author*

*<https://doi.org/10.33736/ils.5075.2023>*

## **ABSTRAK**

Masyarakat Melayu di Riam Panjang adalah sebuah komuniti Melayu di hulu Sungai Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia. Makalah ini membincangkan salah satu aspek sosiolinguistik masyarakat “pedalaman jauh”, iaitu *Jantuh Bebasa* atau kesantunan berbahasa. *Jantuh Bebasa* di Riam Panjang diungkapkan melalui penggunaan bahasa verbal dan bukan verbal. Ungkapan melalui bahasa verbal melibatkan pemilihan kata yang menunjukkan tahap kesopanan, manakala *bebasa* melalui bahasa bukan verbal pula berkaitan dengan sikap, lakuan gaya atau budi pekerti seseorang dalam interaksi sosial. Dari segi skop, *Jantuh Bebasa* masyarakat Riam Panjang dihuraikan dari segi pemilihan sesuatu sistem kata panggilan berdasarkan status sosial dan strata institusi kekeluargaan. Keupayaan mereka memanipulasi kata tertentu menjadi kata ganda yang mencerminkan kehalusan dan kesantunan berbahasa turut dibincangkan (iaitu *Jantuh Ingka*). Kajian yang dilaksanakan melalui kaedah wawancara dan pengalaman ini mendapati bahawa konsep *Jantuh Bebasa* di Riam Panjang berkait rapat dengan aspek etnografi dan kepercayaan masyarakat. Pelanggaran *Jantuh Bebasa* selain dikecam oleh masyarakat, turut dikaitkan dengan pantang larang, iaitu seseorang akan ditimpa musibah, iaitu *busung*. Tambahan lagi, masyarakat juga akan dihukum dengan hukum adat *kesupan* jika melanggar *Jantuh Bebasa*. Sehubungan itu, generasi tua di Riam Panjang amat

menekankan pewarisan budaya *bebasa* dalam kalangan generasi muda, agar nilai budaya pekerti tinggi ini dapat dipertahankan.

**Kata Kunci:** kesantunan berbahasa; sistem panggilan; tabu; hukum adat; nilai

### **JANTUH BEBASA IN AN INTERIOR MALAY COMMUNITY OF KAPUAS HULU, WEST KALIMANTAN**

#### **Abstract**

*Riam Panjang Malay is a remote Malay community located upriver of Kapuas, West Kalimantan, Indonesia. This paper discusses a sociolinguistic issue in this inner rural community, namely, the Jantuh Bebasa or language politeness. In Riam Panjang, Jantuh Bebasa is expressed through the use of verbal and non-verbal languages. The use of verbal language for politeness purposes including the choice of appropriate address terms, meanwhile bebasa through non-verbal communication is related to the attitudes or actions performed in social interactions. In terms of scope, the study of Jantuh Bebasa is focused on the choice of proper terms in concordance with social status and family strata. This paper also discusses the compound form of certain words in a politeness discourses (i.e. jantuh ingka'). Analysis of face-to-face interviews and observations of in-situ experiences found that Jantuh Bebasa in Riam Panjang is closely related with the locals' beliefs. The violation of Jantuh Bebasa can be condemned by society and may bring misfortune, that is, busung to those who violates this taboo as well as go againstto kesupan, a customary law. Hence, the older generation demands the transmission of bebasa culture to the younger generation in order to retain this great moral value.*

**Keywords:** language politeness; address terms; taboo; customary law; values

#### **Pengenalan**

Bahasa selain berfungsi sebagai alat komunikasi, ia juga mendukung makna-makna sosial tertentu. Antara makna sosial yang dicerminkan, iaitu sahsiah, adab dan budi pekerti seseorang individu ataupun masyarakat. Ketepatan dan kesesuaian pilihan kata panggilan akan mengarah kepada kesantunan berkomunikasi, secara langsung membuktikan seseorang penutur telah mematuhi norma-norma masyarakat dan budayanya. Dalam konteks tertentu, kesantunan berbahasa berfungsi sebagai penanda jati diri bagi dua suku etnik yang berkongsi etnonim yang sama. Sebagai contoh, *nuan* ialah kata ganti nama diri kedua dalam bahasa Iban (Gedat, 2018), namun kata panggilan ini turut digunakan sebagai bahasa halus dalam masyarakat Melayu di pedalaman Kapuas Hulu. Penggunaan kata ganti nama *nuan* ini telah membezakan identiti masyarakat Melayu di kawasan